



MODUL LATIHAN UNTUK PENGHASILAN SABUN BERSAMA KOMUNITI

Oleh:

IIUM Kuantan Environmental Performance & Monitoring Committee
(IKC EPMC)

Website rasmi:

<https://office.iium.edu.my/ocd/epmc/>



- [facebook.com/IKCEPMC/](https://www.facebook.com/IKCEPMC/)
- [facebook.com/groups/freecyclekuantan](https://www.facebook.com/groups/freecyclekuantan)

Pengenalan

- IIUM Kuantan Environmental Performance and Monitoring Committee (IKC EPMC) adalah ahli jawatankuasa yang dilantik oleh kampus IIUM Kuantan untuk memastikan isu alam sekitar di dalam kampus IIUM mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.
- Selain itu, EPMC juga bertanggungjawab untuk menjalankan program yang berkaitan kelestarian alam sekitar di dalam kampus dan bersama masyarakat.
- Semenjak 2018, pelbagai program telah dijalankan di dalam dan diluar kampus sehingga EPMC mendapat pengiktirafan antarabangsa iaitu pemenang untuk institusi yang berskala besar untuk International Green Gown Award di bawah kategori memberi manfaat kepada Masyarakat.

Pembuatan Sabun

- Sejak 2022, EPMC mula berjinak di dalam bidang pembuatan sabun menggunakan minyak terpakai untuk menghasilkan sabun cuci tangan, cuci pinggan di dalam bentuk sabun buku dan cecair. Selain itu, EPMC juga menghasilkan sabun untuk tujuan kecantikan.
- Modul ini disediakan untuk komuniti sebagai panduan cara pembuatan sabun menggunakan minyak terpakai untuk kegunaan seharian dan sabun untuk tujuan kecantikan.



Pemurnian minyak masak terpakai



1) Minyak perlu di tapis menggunakan penapis. Seeloknya jenis penapis kain untuk mengasingkan sisa dan boleh juga menggunakan baju terpakai untuk menapis kotoran.



2) Masukkan minyak ke dalam periuk. Campurkan sedikit campuran tepung jagung yang dilarutkan bersama air ke dalam minyak. Rebus sehingga tepung masak, dan buang kotoran yang tertinggal.



3) Minyak yang ditapis juga perlu dimasak bersama bahan lain untuk menghilangkan bau. Contohnya serai, daun pandan, halia, limau, lemon atau bahan lain yang dirasakan sesuai. Boleh gunakan salah satu atau kombinasi beberapa bahan tersebut.

Bahan asas untuk pembuatan sabun

- Acuan silikon. Acuan silikon adalah yang terbaik kerana boleh tahan lama dan sabun mudah untuk dikeluarkan.
- Spatula yang sesuai untuk mengacau sebatian sabun.
- Spatula yang sesuai untuk sukatan bahan dan tahan kepada pH yang tinggi.
- Sarung tangan
- Penutup mulut
- Microwave/ cerek elektrik/cerek/dapur
- Penyukat plastik bergantung kepada amaun sabun contohnya 1 Liter atau 3 Liter
- Pewangi
- Pewarna sabun
- Penimbang
- Hand blender
- Aplikasi soap-calculator
- Isopropyl Alcohol 99%



Resepi Sabun

➤ MENGGUNAKAN MINYAK MASAK TERPAKAI

- 1) Sabun buku
- 2) Sabun cecair
- 3) Sabun cuci baju (detergent)

➤ TIDAK MENGGUNAKAN MINYAK MASAK TERPAKAI

- 1) Sabun kecantikan buku
- 2) Sabun kecantikan cecair



SABUN BUKU MENGGUNAKAN MINYAK MASAK TERPAKAI



Bahan-bahan

- 1) Minyak masak terpakai- 500g
- 2) Sodium Hydroxide, NaOH (seeloknya jenis pearl, mudah untuk larut) - 68g
- 3) Air-137g
- 4) Pewarna
- 5) Pewangi-3 ke 5g
- 6) Jika ingin menambah kelembapan, boleh masukkan setengah sudu glycerine dalam setiap 500g minyak masak

Cara pembuatan

- 1) Campur NaOH bersama air.
- 2) Masukkan campuran tadi ke dalam minyak.
- 3) Kacau sehingga sedikit likat dan sehingga sebati (tiada lapisan minyak kelihatan). Tidak terlalu lama untuk elak sabun menggerutu.
- 4) Masukkan pewarna, pewangi, dan glycerine jika perlu.

SABUN CECAIR MENGGUNAKAN MINYAK MASAK TERPAKAI

Bahan-bahan

- 1) Minyak masak terpakai- 500g
- 2) Potassium Hydroxide, KOH- 106g
- 3) Air-215g
- 4) Pewarna
- 5) Pewangi-5g
- 6) Jika ingin menambah kelembapan, boleh masukkan setengah sudu glycerine dalam setiap 500g minyak masak

Cara pembuatan

- 1) Campur KOH bersama air.
- 2) Panaskan "slow cooker". Masukkan minyak ke dalam "slow cooker"
- 3) Masukkan campuran tadi ke dalam minyak.
- 4) Kacau sebati menggunakan hand blender sehingga likat dan berkilat
- 5) Masukkan pewarna, pewangi, dan glycerine jika perlu
- 6) Larutkan nisbah 1:3 untuk sabun dan air.



SABUN PENCUCI BAJU PEPEJAL



Bahan-bahan

- 1) Hancurkan sabun buku di m/s 7 untuk menghasilkan sabun pencuci pepejal
- 2) Soda Carbonate/ Soda Ash
- 3) Borax/ Sodium Borate
- 4) Sodium EDTA

Cara pembuatan

- 1) Campur semua bahan nisbah 1:1:1:1 contohnya 100g untuk setiap bahan.

SABUN PENCUCI BAJU CECAIR

Bahan-bahan

- 1) Sabun cecair minyak terpakai m/s 8
- 2) Soda Carbonate/ Soda Ash
- 3) Borax/ Sodium Borate
- 4) Sodium EDTA
- 5) Air

Cara pembuatan

- 1) Campur semua bahan nisbah 1:1:1:1:1 contohnya 100g untuk setiap bahan.





SABUN BUKU UNTUK KECANTIKAN (LUTSINAR ATAU LEGAP)

Bahan-bahan

1. Glycerine lutsinar/legap-350 g
2. Pewarna
3. Pewangi
4. Bahan lain contohnya jika ingin menghasilkan sabun tomato, sesudu tomato yang telah dikisar.

Ia boleh diolah menggunakan pelbagai bahan contohnya madu lebah (2 sudu)/ serbuk kunyit (2 sudu)/ serbuk kopi atau lain-lain. Untuk sakit kulit, boleh ditambah menthol kristal 2 sudu. Jika menggunakan sebarang jenis minyak, tambahkan 10 titis.

Cara pembuatan

1. Cairkan glycerine menggunakan kaedah double boiling atau di dalam ketuhar
2. Campurkan semua bahan
3. Masukkan dalam acuan



SABUN PENCUCI CECAIR

Bahan-bahan

- 1) Methyl Ester Sulphonate-100 g
- 2) Air-1000g
- 3) Cocamidopropyl Betaine
CAPB- 20g
- 3) Pewarna
- 4) Pewangi
- 5) Garam untuk menambah
kelikatan- 1 sudu kecil
- 6) Sodium EDTA- 1 sudu kecil

Cara pembuatan

- Didihkan air dan larutkan MES ke dalam air atau masakkan bahan ini di atas dapur
- Apabila larut, sejukkan dan campurkan semua bahan.



Terima Kasih

Hubungi kami:

**IIUM Kuantan Environmental Performance Monitoring Committee (IKC EPMC),
Occupational Safety, Health and Built Environment Department (OSHBE) Office,**

Office of Campus Director,

IIUM Kuantan Campus, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan

Pahang Darul Makmur.

Tel : 09-570 4949 / 4157 / 4158

Email : ikc_epmc@iium.edu.my